



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	20/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	JMG		

Kejadian tanah runtuh di Kemensah Heights

# Struktur tambahan dibina langgar undang-undang

**Kerja ubah suai secara berlebihan tiada kelulusan antara punca tanah runtuh**

Oleh Safeek Affendy Razali  
safeek@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pembinaan struktur tambahan yang melanggar undang-undang dan garis panduan dikenal pasti antara punca menyebabkan insiden tanah runtuh di Jalan Kemensah Heights di sini, Jumaat lalu.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, berdasarkan tinjauannya mendapati ada antara pemilik lot kediaman melakukan pengubahsuaian berlebihan.

"Untuk peringkat awal, kita masih menunggu laporan keputusan penuh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), yang sedang menjalankan kajian serta siasatan mengenai struktur tanah di kawasan ini.

"Saya tidak dapat mengesahkan sama ada punca kejadian ini akibat daripada pengubahsuaian tanpa kebenaran atau faktor lain sehinggalah keputusan kajian dan siasatan JMG selesai," katanya selepas meninjau kawasan kejadian tanah runtuh, semalam.

Dalam kejadian tanah runtuh itu, tiga rumah banglo dan 12



Takiyuddin (kiri) melihat kawasan tanah runtuh di Jalan Kemensah Heights, semalam.

(Foto BERNAMA)

rumah membabitkan 27 keluarga terjejas, namun tiada sebarang kemalangan jiwa.

Terdahulu Takiyuddin mendengar taklimat pihak berkuasa dan turut meninjau kesan kerosakan di lokasi tanah runtuh itu yang disertai Ketua Pengarah JMG, Hishamuddin Termidi.

Beliau berkata, pengubahsuaian dilakukan oleh pemilik kediaman harus mengikut spesifikasi ditetapkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Dalam hal ini, setiap pembinaan rumah dan pengubahsuaian haruslah mendapat kebenaran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang bertanggungjawab memberikan kebenaran serta memantau sebarang kerja-kerja penambahan dan pengubahsuaian.

"Ini penting terutama membabitkan kediaman di kawasan lelong bukit," katanya.

Sementara itu, JMG melaksanakan kerja memasang besi penahan runtuh tebing bagi mengelak kejadian lebih buruk

berlaku di lokasi itu.

Pemeriksaan dan kajian lebih teliti membabitkan pemetaan geologi serta siasatan tapak turut dilakukan sebelum keputusan dibuat sama ada kedudukan tanah di kawasan ini selamat untuk didiami atau sebaliknya.

Dalam pada itu, Pegawai Daerah Gombak, Nor Azlina Abdul Aziz berkata, MPAJ diarahkan melakukan pemeriksaan kawasan cerun dan pembinaan di kawasan Kemensah Heights bagi memastikan ia mematuhi syarat dan peraturan pembinaan.